

# TOKYO + MT. FUJI

6 HARI 4 MALAM



**SOKA Melancong**

**M Melancong.my**

KPL/LN 7816 1114604 - D  
**Hadigo**  
Travel & Tours Sdn Bhd

MEMUDAHKAN PERCUTIAN ANDA!

Pejabat Urusan: No 12-2, Ken Rimba  
Jalan Lengkuas C,16/C, Seksyen 16  
40200 Shah Alam, Selangor.

**HOTLINE: 6012-675-6884**



### 3★ Hotel

**Tokyo** Henn Na Hotel      3 Mlm  
Asakusabashi

**Mt. Fuji** Fuji No Mori Hotel      1 Mlm

Penerbangan      **malaysia** airlines

**HARI 1** MH 88      ETD 2330  
KUL NRT      ETA 0740

**HARI 6** MH 89      ETD 1020  
NRT KUL      ETA 1645

PERBEZAAN  
WAKTU

GMT+9

Japanese Yen  
JPY100

= Ringgit Malaysia  
MYR 3.30



### HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

### HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Aktiviti/lawatan tambahan yang tidak terdapat dalam aturcara program seperti Disneyland, Disneysea Tokyo, Sea Life Park dan Legoland Discover Center.
- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

# 6H4M TOKYO + MT. FUJI

Tokyo - Kawagoe - Oshino - Fuji - Gotenba - Narita

**SOKA Melancong**

## HARI 1

Kuala Lumpur - Narita

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Narita.

## HARI 2

MT/MM  
Narita - Kawagoe - Oshino - Fuji

Tiba di Narita International Airport.

Lawatan di Kawagoe:

- Melawat sekitar Kurazukuri no Machinami atau lebih dikenali dengan **Little Edo Warehouse District**. Dinamakan sebegitu kerana sepanjang jalan ini masih berdiri teguh kedai-kedai dan gudang-gudang kayu yang wujud sedari zaman Edo pada kurun ke-16 dan memberi kita inspirasi tentang keadaan Jepun zaman dahulu kala.
- Berfoto di **Time Bell Tower** (Toki no Kane) yang asalnya dibina pada 1627 dan struktur yang sekarang ini merupakan menara generasi ke-4 dibaik pulih pada 1894 selepas kejadian Great Fire of Kawagoe.
- Membeli gula-gula dan manisan di **Confectionery Row** (Kashiya Yokocho), lorong yang terkenal dengan berdozen penjual manisan dan juga memberi gambaran kepada tetamu bagaimana suasana ketika zaman Showa dahulu.
- Bersolat di **Masjid Farooq-e-Azam** yang besar dan terkenal di bandar ini.

Lawatan di Oshino:

- Melawat perkampungan kecil Oshino yang terletak antara Lake Kawaguchi dan Lake Yamanaka, yang terkenal dengan 8 buah kolam jernih seperti cermin bernama **Oshino Hakkai**. Kolam-kolam ini terbentuk secara semulajadi selama lebih 80 tahun dari letusan lava Mt. Fuji.

Bermalam di Fuji.

## HARI 3

SP/MT/MM  
Fuji - Gotenba - Tokyo

Lawatan di Fuji dan Gotenba:

- Dibawa ke Fujinomiya 5th Station yang setinggi 2300m dari aras laut untuk mengambil foto panorama **Mt. Fuji** yang tersgam indah dan **Fuji Five Lakes** yang terletak di sekitar kaki gunung.
- Di sini juga terdapat **Fujisan Komitake Shrine** yang menawarkan spot untuk foto panorama terbaik **Lake Yamanaka** di samping berfoto di pintu gerbang merah shrine ini.
- Berfoto di **Lake Kawaguchi**, salah satu tasik antara Fuji Five Lakes dan yang paling menjadi tumpuan para pelancong untuk mengambil foto sisi lain Mt. Fuji.
- Membeli-belah di **Gotenba Premium Outlet** yang menempatkan pelbagai butik dan kedai jenama-jenama terkenal di samping menikmati diskauan yang luar biasa.



**M Melancong.my**

KPL/LN 7816 1114604 - D  
**Hadigo**  
 Travel & Tours Sdn Bhd

#### MEMUDAHKAN PERCUTIAN ANDA!

Pejabat Urusan: No 12-2, Ken Rimba  
 Jalan Lengkuas C,16/C, Seksyen 16  
 40200 Shah Alam, Selangor.

**HOTLINE: 6012-675-6884**


#### Lawatan di Tokyo:

- Masa bebas untuk membeli-belah atau bersiar-siar di **Shibuya** yang terletak di tengah kotaraya Tokyo dan telah wujud sejak kurun ke-11 lagi. Jangan lepaskan peluang untuk berfoto di **Shibuya Crossing** yang cukup terkenal.

#### Bermalam di Tokyo.

### HARI 4 SP/MT/MM Tokyo

- Melawat sekitar kawasan **Asakusa** yang sangat terkenal dengan pintu gerbang merah **Kaminarimon** yang terdapat tanglung besar dibina sejak 1000 tahun dahulu dan juga **Sensoji Temple** yang dibina pada kurun ke-7.
- Membeli-belah cenderamata dan manisan di laluan pejalan kaki **Nakamise Street** yang menempatkan lebih 50 buah kedai.
- Melawat **Ueno Park**, taman yang menjadi tumpuan ramai ketika musim cherry blossom. Di sini juga terdapat banyak muzium dan juga zoo. Di sini juga terletaknya **Ueno Toshogu Shrine** yang popular di kalangan pelancong untuk berfoto dan **Flame of Hiroshima and Nagasaki Memorial**.
- Masa bebas untuk membeli-belah di **Akihabara** yang terkenal sebagai pusat jualan barang elektronik dan juga lokasi terkenal bagi peminat anime dan manga mencari koleksi mereka.



### Little Edo Warehouse

- Bersolat di **Tokyo Mosque** yang merupakan masjid yang terbesar di Jepun dibina pada tahun 2000 dengan bentuk senibina Turki.
- Berfoto di **Tokyo Skytree** yang merupakan menara ke-3 tertinggi di dunia dengan ketinggian 634m. Menara ini akan berilluminasi dengan cahaya LED warna-warni pada waktu malam.
- Dibawa untuk melihat dan mengambil foto **Tokyo Imperial Palace** yang merupakan kediaman rasmi keluarga diraja Jepun dibina pada 1993 di atas tapak istana lama Edo Castle.



### Imperial Palace

- Bersiar-siar dan membeli-belah di **Ginza** yang merupakan lokasi membeli-belah paling utama di Tokyo dengan pelbagai butik berjenama dan sederhana ada di sini.

#### Bermalam di Tokyo.

### HARI 5 SP Tokyo

Tetamu bebas untuk melakukan aktiviti sendiri seperti berhibur di Disneyland dan Disneysea Tokyo, Sea Life Park, Legoland Discover Center atau menaiki train melawat Odaiba yang terkenal dengan Odaiba Beach dan Rainbow Bridge.

\*Tiket masuk tempat-tempat lawatan ini dan pengangkutan tidak termasuk dalam pakej.

#### Bermalam di Tokyo.

### HARI 6 SP Tokyo - Narita - Kuala Lumpur

Bertolak ke Lapangan terbang untuk penerbangan pulang.